

## **Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam**

AHMAD YUNUS KASIM  
AB. HALIM TAMURI

### **ABSTRAK**

Pengetahuan isi kandungan akidah merupakan komponen dalam mata pelajaran teras Pendidikan Islam di sekolah menengah. Guru yang mengajar mata pelajaran ini memerlukan pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) dalam bidang tersebut. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis PPK yang dimiliki oleh guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan bagaimana PPK tersebut dilaksanakan semasa proses pengajaran akidah. Modifikasi kerangka teori al-Ghazali dan al-Syaibani dalam perkaedahan pengajaran pendidikan Islam, model pentaakulan dan tindakan pengajaran Shulman dan model perkembangan pengetahuan guru Fennema dan Frank digunakan sebagai panduan untuk mencapai tujuan kajian. Seramai lapan orang guru cemerlang Pendidikan Islam yang telah dilantik oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dipilih sebagai peserta di dalam kajian ini. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dan memperoleh data kajian melalui protokol temubual, senarai semak pemerhatian pengajaran dan analisa dokumen. Kaedah perbandingan secara berterusan digunakan untuk membina konsep kajian. Kesahan data dilakukan secara triangulasi pelbagai sumber data, semakan rakan dan menggunakan replika kajian pelbagai kes. Kebolehpercayaan data pula diperolehi dengan mendapatkan perakuan pakar berdasarkan nilai persetujuan pekali *Cohen Kappa*. Secara keseluruhan, GCPI didapati memiliki kefahaman yang jelas terhadap objektif pengajaran, menyampaikan pengajaran secara pedagogikal, melakukan tindakan pengajaran secara sistematis dan melaksanakan penilaian dan refleksi untuk memperoleh pengalaman pengajaran yang baru. Kesemua komponen PPK GCPI juga didapati saling lengkap-melengkap, berintegrasi dan berkembang untuk membentuk pengalaman guru dalam pengajaran. Amalan praktikal dan berhikmah yang dimiliki oleh GCPI adalah merupakan aset terpenting memandu pelaksanaan PPK dalam pengajaran akidah. Dapatkan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk menambahbaik program latihan ikhtisas guru Pendidikan Islam khususnya dalam pengajaran akidah.

Kata Kunci: Pengajaran Akidah, Guru Cemerlang Pendidikan Islam, Pengetahuan Pedagogikal Kandungan.

### **ABSTRACT**

*The content knowledge of akidah is the important component of the Islamic education subject in secondary school. Thus every teacher of this subject should acquire the pedagogical content knowledge (PCK) of this particular field. This study aimed to explore and analyze Islamic education excellent teachers' PCK and how that the PCK implemented during the lesson. A modification of al-Ghazaly and al-Syaibany theoretical framework's in methodology of teaching in Islamic education, Shulman model of pedagogical reasoning in teaching and model the growth of teachers knowledge by Fennema and Frank were used*

as the guide to for this study. Eight Islamic Educations excellent teachers who were appointed by Malaysian Education Ministry were selected as the participant of this study. The study used the case study design where the data were collected through interview protocol, observation checklist and document analysis. Results of the in-depth interview, teaching observation and document analysis were managed and analyzed using NVivo-7 software. The Constant comparative method used to build the concept of the study. Data validity was carried out using triangulation of data from variety of sources, member check and replica in various case studies. Data reliability were obtained through agreement value of Cohen Kappa. Generally, GCPI had a clear understanding on the teaching objectives, delivering teaching material pedagogically and systematically, implement assessment during lesson and reflection to acquire new knowledge and experience in teaching of akidah. All the PCK components GCPI were interrelated, integrated and contributed to the teacher's experience concerning teaching and learning process. This study found that wise practice and wisdom of practice of the GCPI were the most important elements of effective teaching of akidah. It also hopes that this study will be regarded as a guideline to improve the quality of the Islamic Education teacher training particularly in the field of akidah.

*Keywords:* Teaching Akidah, Pedagogical Content Knowledge, Islamic Education Excellent Teachers'

## PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 1994 telah mengiktiraf guru-guru yang menunjukkan prestasi pengajaran terbaik dengan pelantikan guru cemerlang (IAB, 1997). Lantikan dalam jawatan yang sama pada tahap hakiki yang lebih tinggi membolehkan guru terus berkhidmat di sekolah asal dan kepakaran mereka dimanfaatkan oleh rakan sejawat dan murid-murid sekolah berkenaan (IAB, 1997). Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah menetapkan prestasi pengajaran merupakan komponen terpenting dalam pemilihan dan pelantikan guru cemerlang di sekolah. Keberkesanan pengajaran pula didapati sentiasa berkait rapat dengan pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) sesuatu subjek untuk membolehkan guru mengajar sesuatu topik secara spesifik yang menggalakkan pemahaman konseptual murid (Shulman, 1987). Dalam konteks pendidikan Islam, kajian Ahmad Munawar (2009) dan Ab Halim (2003) mendapati guru-guru pendidikan Islam lebih cenderung menggunakan kaedah kuliah dalam proses pengajaran dan pembelajaran akidah. Kajian juga telah dilakukan berkaitan keberkesanan pengajaran akidah secara perbandingan penggunaan tiga kaedah pengajaran dan pemantapan akidah menerusi penghayatan sains dalam al-Quran (Che Pee, 1983; Mohd Arip, 2000). Akibatnya, kaedah pengajaran tauhid dianggap “kering” dan tidak mencapai matlamat yang boleh mengesani jiwa murid (Wan Mohd. Nor, 1989). Selain itu, pendekatan pengajaran secara tradisional telah dikenal pasti menimbulkan kesukaran kerana penggunaan olahan gaya bahasa klasik, ayat al-Quran ditulis tanpa rujukan surah dan tanda baca, mengemukakan contoh yang kurang sesuai dan tidak meninggalkan kesan yang mendalam kepada realiti kehidupan murid (Ali Ahmed, 1999). Oleh itu, murid sewajarnya lebih didedah dengan persoalan akidah daripada perspektif pemikiran rasional yang diperkuuhkan dengan ilmu saintifik moden (Fatimah, 2005).

Keyakinan akidah tidak terbentuk dengan mudah kerana ia adalah sesuatu yang mantap di lubuk hati yang memerlukan kejelasan fikiran yang dikukuhkan dengan dalil-dalil *naqliyyah* dan *‘aqliyyah* sehingga menghilangkan sebarang keraguan. Dalil-dalil ini semestinya diterima akal dengan penuh kerelaan dan ketenangan. Oleh itu, pengajaran akidah memerlukan penggunaan bahasa, contoh dan bukti yang mudah difahami, idea yang bernas, dan penggunaan ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan untuk mengabitkan hujjah akal dan memberi kesan kepada akal secara maksimum (Abdul Majid, 2008). Pendidikan akidah dan keimanan juga perlu melalui beberapa peringkat bermula dari selepas kelahiran, *mumayyiz*, remaja (*murahiqah*) dan dewasa (*mukallaf*) (Abdullah Nasikh, 2002). Pendidikan akidah perlu didasari dengan kefahaman jelas yang dapat mengesani emosi, perasaan dan jiwa (*wujdan*) tanpa sebarang syak dan keraguan (Ahmad Rejab, 2001). Justeru, kajian ini bertujuan meneroka proses pengajaran akidah secara mendalam guru cemerlang pendidikan Islam bagaimana mereka melaksanakan PPK semasa proses pengajaran PPK khususnya dalam. Pengalaman PPK pengajaran akidah guru cemerlang ini diharapkan dapat membantu dan menambah baik proses pengajaran guru pendidikan Islam dengan lebih berkesan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan meneroka secara mendalam dan meneliti pengetahuan pedagogikal kandungan PPK yang dimiliki guru cemerlang pendidikan Islam yang sedang

berkhidmat di sekolah menengah harian biasa, sekolah menengah aliran agama, sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah model khas. Kajian pada peringkat awal adalah untuk meneroka kefahaman terhadap ciri-ciri subjek dan tanggapan terhadap ciri-ciri pengajaran akidah. Seterusnya penerokaan terhadap komponen PPK yang dimiliki oleh setiap peserta kajian dilaksanakan semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah. Model Shulman (1987) dijadikan panduan untuk memahami proses ini dan lingkaran model ini terdiri daripada peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi dan kefahaman baru. Satu garis panduan pelaksanaan PPK guru cemerlang pendidikan Islam dalam pengajaran akidah diharap dapat dihasilkan untuk dijadikan panduan dalam pengajaran pendidikan Islam.


Secara khususnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

1. Meneroka bentuk kefahaman GCPI terhadap ciri-ciri pengetahuan kandungan subjek akidah.
2. Mengenal pasti tanggapan GCPI terhadap ciri-ciri pengajaran subjek akidah.
3. Mengenal pasti pola komponen pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap murid dan pengetahuan kurikulum GCPI untuk menghasilkan PPK pengajaran akidah.
4. Menganalisis perbezaan integrasi kefahaman terhadap ciri-ciri subjek akidah dengan amalan PPK pengajaran akidah di antara guru cemerlang Pendidikan Islam berpengalaman (GCPI BP) dengan guru cemerlang Pendidikan Islam yang baru dilantik (GCPI BL).
5. Menganalisis bagaimana komponen-komponen pengetahuan pedagogikal kandungan PPK diterjemahkan dalam proses pengajaran guru di peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi dan kefahaman baru.
6. Menganalisis perbezaan pengetahuan pedagogi kandungan yang diamalkan oleh GCPI dengan pendekatan pengajaran akidah menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah.

## **KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN**

Sarjana pendidikan Islam telah membincangkan beberapa prinsip asas berkaitan pengajaran berkesan (al-Ghazali, 1939; al-Kilani, 1986; Miqdad, 1986; al-Syaibani, 1991; al-Qaradawi, 2000 dan Muhammad Qutb, 2004). Secara asasnya, guru mesti menyampaikan pelajaran mengikut kefahaman dan pencapaian akal fikiran murid (al-Ghazali, 1939), mengenal pasti kesediaan dan kemampuan murid selaras dengan batasan kefahaman (*al-fahm*) dan kehendak (*al-iradah*) setiap manusia (al-Baqarah: 185; al-Hajj: 78; al-Mai'dah: 6) (al-Kilani, 1986), memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tujuan pendidikan yang ingin dicapai, subjek yang ingin diajar serta tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan murid (al-Syaibani, 1991) serta menggunakan bahan rujukan yang sesuai mengikut tahap perkembangan kematangan, pengetahuan dan usia murid (Miqdad, 1986). Al-Qaradawi (2000) menjelaskan pengetahuan isi kandungan (*maddah ilmiyyah*) mestilah berkualiti, tepat (*al-isalah*) dan bermanfaat kepada murid dan guru mesti mempunyai pengetahuan yang bersesuaian dengan topik yang akan diajar dan sentiasa mempelajari cara terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid (Muhammad Qutb, 2004).

Sehubungan itu, kerangka konseptual kajian ini adalah berasaskan teori pengajaran berkesan sarjana pendidikan Islam al-Ghazali (1939), al-Kilani (1986), al-Syaibani (1991), al-Syatibi (2000) dan Muhammad Qutb (2004) yang disepadukan dengan model perkembangan pengetahuan guru Shulman (1987) dan Fennema dan Frank (1992). Model ini menjelaskan bahawa pengetahuan guru yang terdiri daripada pengetahuan isi kandungan subjek, pengetahuan pedagogi subjek, pengetahuan terhadap ciri-ciri murid dan kepercayaan guru terhadap ciri-ciri subjek dan pendekatan pengajaran adalah berintegrasi secara dinamik membentuk pengetahuan pedagogikal guru (PPK) yang memandu tingkahlaku dalam bilik darjah. Tambahan pula, Grossman et al. (1989) turut mendapatkan kepercayaan guru terhadap strategi pengajaran adalah merupakan sebahagian daripada komponen PPK di dalam pengajaran.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian.

Sumber: Ubah suai daripada al-Ghazali (1939), al-Syaibani (1975) dan Muhammad (2004) dan “Teachers’ Knowledge: Developing In Context” oleh Fennema dan Franke (1992) Model Penaakulan dan Tindakan Guru (Shulman,, 1987) dalam Zaidah Yazid (2005).

## **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

### **Pengajaran Akidah**

Akidah tidak terbentuk dengan mudah kerana ia adalah sesuatu yang mantap di lubuk hati yang memerlukan kefahaman pemikiran yang dikukuhkan dengan dalil-dilil *naqliyyah* dan *'aqliyyah* yang menghilangkan keraguan. Dalil-dalil ini semestinya diterima akal dengan penuh kerelaan dan ketenangan. Oleh itu, pengajaran akidah memerlukan penggunaan bahasa yang mudah, contoh dan bukti yang mudah difahami, idea yang bernes, dan penggunaan ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan untuk mensabitkan hujjah akal dan memberi kesan kepada akal secara maksimum (Abdul Majid, 2008). Pendidikan akidah perlu didasari dengan kefahaman jelas yang dapat mengesani emosi, perasaan dan jiwa (*wujdan*) tanpa sebarang syak dan keraguan (Ahmad Rejab, 2001). Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w. menghapuskan kesan-kesan kepercayaan, nilai, budaya dan kefahaman warisan arab jahiliyyah supaya tidak bercampur aduk dengan paradigma akidah, nilai dan budaya kehidupan seseorang mukmin (Ahmad Rejab, 2001).

Sehubungan itu, pendidikan akidah merupakan teras kepada pelaksanaan syariat secara menyeluruh (al-Baqarah 2:217) dan ianya amat memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bukan sekadar untuk memindahkan ilmu pengetahuan bahkan berupaya meningkatkan dan memantapkan keimanan (Mohd. Arip, 1998). Oleh itu, pengajaran akidah amat memerlukan kaedah yang spesifik berasaskan pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) dengan menggunakan kefahaman dalil secara *naqli* (wahyu) dan *aqli* (akal) serta dalil-dalil alam syahadah yang terdapat di dalam al-Quran (Mohd. Arip, 1998) agar murid tidak termasuk di dalam golongan *muqallid* (pengikut) yang dipertikaikan kesahihan iman mereka oleh sebahagian ulama' (Sayyid Qutb, 1992). Malah, menurut Abdullah Nasikh (1984) proses pendidikan akidah dan keimanan perlu bermula sebaik selepas kelahiran dengan memperdengarkan kalimah tauhid melalui azan dan iqamah dan dipertingkatkan pada usia *mumayyiz* dan dewasa dengan pendekatan penyelidikan, *tadabbur* dan berfikir tentang penciptaan alam semesta secara beransur-ansur sehingga keimanan menjadi teguh berasaskan bukti kukuh seperti mana yang disarankan di dalam al- Qur'an (an-Nahl 16:10-17, al-Baqarah 2:164, al-Tāriq 86:5-10, Abasā 80: 24-32, Fāthir 35:27-28, Qāf 50: 6-8). Namun, kesemua peringkat ini memerlukan penggunaan pengetahuan isi kandungan dan rujukan yang sesuai mengikut tahap perkembangan, kematangan, pengetahuan dan usia murid untuk memastikan keberkesanan pendidikan akidah (Abdullah Nasikh, 1984).

Pengajaran akidah merupakan suatu subjek yang sangat sukar di dalam pendidikan Islam (Soleh, 1998). Oleh itu, kurikulum yang tentukan perlu sesuai dengan kemampuan berfikir murid untuk memahami topik-topik yang disampaikan. Peringkat sekolah rendah (*ibtidai'e*) dan menengah rendah (*I'dadie*) murid perlu diperkenalkan dengan keajaiban alam ciptaan (*al-kai'nat*) Allah S.W.T. untuk membuktikan kewujudan Allah S.W.T. dan keagungan-Nya dan bersifat dengan penuh kesempurnaan. Manakala peringkat menengah atas (*thanawi*) pengajaran perlu kepada hujjah secara kognitif (*an-nadzar a'qli*) dan bukti-bukti secara logik (*istidlal mantiqi*) untuk mensabitkan tauhid *uluhiyah* dan *rububiyyah* Allah S.W.T., perlunya rasul diutuskan membawa risalah untuk membimbing makhluk dan sebagainya (Soleh, 1998). Ringkasnya, murid peringkat menengah perlu diasuh untuk merangsang minda mereka berfikir secara logik dan jelas dalam

persoalan akidah (Soleh, 1998). Pengajaran akidah peringkat menengah (thanawi) memerlukan pendekatan merangsang pemikiran dan penyelesaian masalah yang berkait rapat dengan realiti kehidupan murid untuk menjaga kesejahteraan akidah dan mengelakkan mereka ragu-ragu, salahfaham dan terpengaruh dengan unsur-unsur pemikiran yang bertentangan dengan akidah Islam. (Ali Ahmed Madkur, 1998). Namun, realitinya kaedah pengajaran pendidikan Islam semenjak beberapa kurun silam adalah dirumuskan sangat lemah (al-Shafee, 1984; al-Meajal, 1992).

### **Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK)**

Model proses penaakulan PPK dalam pengajaran adalah merangkumi penyelidikan dalam beberapa aspek iaitu; pembinaan PPK (*development PCK*), pelaksanaan PPK (*application PCK*) dan komunikasi komponen PPK (*communication PCK*). Penyelidikan dalam kontek perkembangan PPK (*development PCK*) seperti penyelidik melihat aspek bagaimana pembinaan PPK di kalangan guru novis (Lenze & Dinham, 1994, 1999) guru berpengalaman menguasai subjek adalah berbeza berbanding guru yang kurang pengalaman (Grant, 1988, Hashweh, 1987). PPK berkembang melalui guru belajar, pelaksanaan dan refleksi, kolaborasi dengan guru lain, mengikuti secara dekat proses pembelajaran murid dan berkongsi pengalaman dengan guru lain. Pengetahuan guru ini adalah bersifat praktikal disebabkan penambahbaikan berasaskan '*wisdom and practice*' selama beberapa tahun (Shulman, 1987). Beliau turut menyatakan bahawa pengetahuan asas guru (*teacher knowledge base*) merangkumi dua aspek pengetahuan yang terpenting iaitu; pengetahuan isi kandungan subjek yang merangkumi teori, prinsip dan konsep khusus sesuatu subjek dan pengetahuan pedagogi subjek yang melibatkan pengetahuan terhadap pengajaran seperti pendekatan, prinsip, strategi pengurusan bilik darjah dan sebagainya.

Sebahagian sarjana lebih berminat untuk mengkaji aspek hubungan antara pengetahuan kandungan subjek dengan pengetahuan pedagogi subjek dalam sesuatu sesi pengajaran. Namun, terdapat pengkaji yang berminat terhadap pendekatan Shulman (1987) dan Grossman (1990) yang lebih menekankan aspek PPK dalam konteks gabungan olahan pengetahuan kandungan dengan pengetahuan pedagogi semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah (Claire H. Major & Betsy Palmer, 2006). Menurut Helen et al. (2006) pula, pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) melibatkan aspek yang khusus dalam pengajaran iaitu; strategi pengajaran, pengetahuan tentang cara murid berfikir dan penjelasan terhadap prosedur pengetahuan dan kaedah penyelesaian masalah pengajaran. Oleh itu, kajian perlu dilakukan di dalam konteks perancangan guru, interaksi guru dalam bilik darjah, penjelasan guru dan sebagainya untuk mendapatkan suatu gambaran yang menyeluruh. Pengetahuan guru juga berkembang berasaskan pengetahuan pedagogi dan interaksi dalam bilik darjah dengan pengetahuan isi kandungan subjek dan murid dalam bilik darjah. Interaksi komponen pengetahuan guru ini menghasilkan pengetahuan yang unik iaitu pengetahuan pedagogikal kandungan (Shulman, 1987).

Dalam konteks pendidikan Islam, pengajaran guru juga perlu diselaraskan dengan kemampuan murid untuk mengelakkan kebosanan, kekeliruan dan tidak disalahertikan atau disalahgunakan (al-Na'miy, 1994). Pengetahuan isi kandungan (*maddah ilmiyyah*) mesti berkualiti, tepat (*al-isalah*) dan bermanfaat kepada murid (al-Qardawi, 2000). Pendekatan pengajaran ini pada hakikatnya adalah selari dengan konsep pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) yang mementingkan

kefahaman guru terhadap pengetahuan isi kandungan yang disampaikan kepada murid, keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami oleh murid dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan murid yang diperolehi melalui pengalaman, pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi subjek (Shulman, 1987). Tambahan pula, prinsip pengajaran yang disarankan oleh al-Quran dan al-Sunnah turut memberikan penekanan terhadap kesesuaian pengetahuan isi kandungan berdasarkan tahap pemikiran, kepelbagaian kaedah dan pendekatan pengajaran serta menekankan pengetahuan terhadap ciri-ciri dan kebolehan murid (al-Baqarah 2:185; al-Hajj 22:78; al-Mai'dah 5:6) untuk membolehkan mereka mampu menggarap pengetahuan kandungan, menghayati dan menterjemahkannya dalam realiti kehidupan. Rasulullah s.a.w. yang memilih masa, situasi, peristiwa (*muqif ta'limi*) tertentu, mengambilkira kesediaan para sahabat, menggunakan pendekatan yang sesuai, menilai kemampuan fikiran para sahabat ketika menyampaikan dan mengolah isi kandungan pengajaran serta mempermudahkan kaedah pengajaran untuk memastikan keberkesanannya pengajaran (Muhammad, 2004).


Pendidikan Islam yang berkesan turut memerlukan proses pengajaran secara sistematik, tertib dan beransur-ansur mengikut tahap kemampuan, kefahaman dan pencapaian akal fikiran murid (al-Ghazali, 1939). Oleh itu, guru perlu memiliki pengetahuan kandungan dan pedagogikal secukupnya untuk menghasilkan pengajaran yang cemerlang dan berkesan (al-Syaibani, 1975), mengolah dan menterjemah dalam bentuk yang mudah difahami oleh murid dalam proses pengajaran (al-Qardawi, 2000), menggunakan bahan rujukan yang sesuai mengikut tahap perkembangan, kematangan, pengetahuan dan usia murid (Miqdad, 1986), memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan tujuan pendidikan yang ingin dicapai, subjek yang ingin diajar serta tahap perkembangan, kematangan dan kecerdasan murid (al-Syaibani, 1991) dan mempunyai pengetahuan yang bersesuaian dengan topik yang akan diajar dan mempunyai cara terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan tersebut (Muhammad Qutb, 2004).

Dapatlah dirumuskan bahawa prinsip dan pendekatan pengajaran akidah yang disarankan oleh al-Quran dan al-Sunnah memberikan penekanan terhadap kesesuaian pengetahuan kandungan berdasarkan tahap pemikiran, kepelbagaian kaedah dan pendekatan pengajaran serta menekankan pengetahuan terhadap ciri-ciri dan kebolehan murid untuk membolehkan mereka mampu menggarap pengetahuan kandungan akidah, menghayati dan menterjemahkannya dalam realiti kehidupan. Pendekatan ini pada hakikatnya adalah selari dengan konsep pengetahuan pedagogikal kandungan yang mementingkan kefahaman guru untuk mengolah pengetahuan isi kandungan yang disampaikan kepada murid, keupayaan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran yang sesuai agar mudah difahami oleh murid dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri dan kebolehan murid yang diperolehi melalui pengalaman, pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi subjek (Shulman, 1987). Ringkasnya, pengisian dan penerapan pengetahuan isi kandungan akidah mesti dilaksanakan dengan sebaik mungkin agar dapat membentuk kefahaman yang jelas dan dihayati dalam konteks kehidupan sebenar (An-Nahlawi, 1980).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif yang cuba mahami keadaan dan suasana yang berlaku di dalam bilik darjah ketika sesi pengajaran akidah dilaksanakan oleh guru cemerlang

pendidikan Islam. Pemilihan pendekatan kualitatif adalah untuk menjawab persoalan yang memerlukan jawapan kepada bagaimana dan apa yang berlaku, tajuk berbentuk penerokaan dan kajian yang memerlukan jawapan secara terperinci (Creswell, 2003). Secara ringkasnya, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian kes. Pengumpulan data adalah menggunakan kaedah temubual secara mendalam, pemerhatian tanpa ikut serta dan analisis dokumen. Data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan kaedah perbandingan yang berterusan (*constant comparative method*) dan pakej perisian NVivo-7 pula digunakan untuk membantu mengurus data. Keesahan data dilakukan dengan membuat triangulasi daripada pelbagai sumber data, semakan rakan (*member check*) dan menggunakan replika dalam kajian pelbagai kes. Kebolehpercayaan data pula diperolehi dengan mendapatkan persetujuan nilai persetujuan pekali *Cohen Kappa*.



Rajah: 2 Gambaran Metodologi Kajian

Secara umumnya, penyelidikan kualitatif dalam bidang pendidikan digunakan untuk menyiasat fenomena pendidikan dalam beberapa bentuk kajian seperti; fenomenalogi, kajian kes, etnografi, grounded theory dan kajian secara naratif (Creswell, 2003). Namun, kaedah kajian kes adalah suatu bentuk kaedah kajian yang sering digunakan di dalam bidang pendidikan untuk mencapai salah satu objektif iaitu; menjelaskan sesuatu fenomena secara terperinci, menjelaskan beberapa kemungkinan fenomena tersebut berlaku dan untuk menilai fenomena tersebut. Kajian ini juga membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam dan menyeluruh fenomena yang dikaji dalam konteks yang sebenar (Gall et al., 2003). Kajian kes juga lebih tertumpu kepada proses kajian tersebut dijalankan untuk membolehkan penyelidik menguji interaksi kriteria setiap unit dalam penyelidikan terhad (Merriam, 1998; Stake, 1995; Yin, 2002). Dengan menumpukan lebih pada proses daripada hasil, kajian kes turut digunakan untuk memahami interaksi antara penyelidik dan peserta sehingga terbina maklumat yang bermakna (Crotty, 2003; Merriam, 1998).

Reka bentuk kajian kes juga boleh digunakan untuk meneroka secara jelas persoalan kajian (Stake, 1995; Yin, 2003). Suatu bentuk kajian kes diperlukan untuk mendapatkan keterangan dan kefahaman secara holistik terhadap kesan serta pengaruh setiap unit yang terlibat (Johnson dan Christensen, 2004; Merriam, 1998; Stake, 1995; Yin, 2003). Kajian kes juga akan memberikan penjelasan berkaitan sesuatu kes atau seseorang individu, memberikan penerangan kepada "mengapa" situasi itu berlaku dan untuk menilai sesuatu program atau individu. Kajian ini juga boleh merangkumi kajian berbentuk penerokaan program, aktiviti, proses, satu atau lebih individu (Gall et al., 2003). Pengkaji memilih kaedah kajian kes untuk membolehkan pengkaji meneroka pengetahuan pedagogikal kandungan pengajaran akidah secara mendalam dan menyiasat bagaimana pengetahuan tersebut dilaksanakan dalam konteks yang sebenar di dalam bilik darjah.

Peserta kajian dipilih berdasarkan tajuk, objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik serta berasaskan prinsip kesanggupan mereka melibatkan diri dalam kajian ini. Seramai lapan orang peserta kajian dipilih dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang telah dilantik dan dinaikan taraf sebagai guru cemerlang oleh pihak Jemaah Nazir dan mengajar bidang kepakaran Pendidikan Islam di seluruh semenanjung Malaysia yang telah bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela serta diperakukan oleh pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian ini telah memilih guru cemerlang Pendidikan Islam yang mengajar akidah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kelas Aliran Agama (KAA), Sekolah Menengah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Menengah Model Khas. Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan tujuan kajian ini yang mana penyelidik ingin melihat kepelbagaiannya dalam mencari PPK guru yang mana sekolah-sekolah ini mempunyai persekitaran, kumpulan pelajar dan kemudahan yang berbeza yang mungkin boleh mempengaruhi pengajaran guru.

Kesahan dan kebolehpercayaan data dalam kajian kualitatif melibatkan prosedur kajian yang teratur dan beretika (Merriam, 1998). Menurut Hamersley (1992) dan Miles dan Huberman (1994), kesahan dalaman dalam penyelidikan kualitatif ditakrifkan sebagai sejauhmana tepatnya satu-satu gambaran yang diperhatikan mewakili fenomena yang dirujuk dan dikaji. Ia juga bertujuan untuk memastikan keberkesanan methodologi kajian dalam mengumpulkan data yang berkualiti untuk dapatan kajian (Merriam, 1998). Oleh itu, kesahan data dilakukan dengan membuat triangulasi daripada pelbagai sumber data, semakan rakan (*member check*) dan menggunakan replika dalam kajian pelbagai kes. Kebolehpercayaan data pula diperoleh dengan mendapatkan persetujuan nilai persetujuan pekali *Kappa Cohen*. Setelah kesemua pakar membuat penilaian, pengkaji mengira nilai persetujuan tersebut. Nilai pekali persetujuan setiap pakar penilai dicatat secara berasingan dan kemudian diagregat bagi mendapatkan satu nilai pekali persetujuan untuk seluruh proses tersebut. Kemudian, pengkaji mengira menggunakan formula *Cohen Kappa*.

## **DAPATAN KAJIAN**

**Objektif 1:** Kefahaman GCPI Terhadap Ciri-Ciri Pengetahuan Kandungan Subjek Akidah.

GCPI didapati memiliki perspektif terhadap pengetahuan isi kandungan akidah adalah berbentuk abstrak, konseptual dan cenderung kepada perbincangan falsafah. Kefahaman guru hakikat sifat

subjek ini mendorong mereka mengolah pengetahuan kandungan tersebut kepada bentuk yang sesuai dan mudah difahami oleh murid. Penjelasan dan huraian diselaraskan dengan tahap pemikiran dan latar belakang murid seperti menggunakan kaedah perbandingan konseptual yang disokong dengan contoh-contoh dan analogi yang sesuai.

**Objektif 2:** Tanggapan GCPI terhadap ciri-ciri pengajaran subjek akidah.

GCPI memiliki perspektif dan tanggapan yang khusus terhadap pengajaran akidah yang merangkumi aspek prinsip-prinsip pengajaran, masalah pengajaran dan pendekatan pengukuhan dalam pengajaran subjek akidah. Pendidikan akidah difahami sebagai proses pendidikan sepanjang hayat samada melalui pendidikan formal atau informal. Prinsip asas akidah dan benih-benih keimanan yang telah tertanam di peringkat kanak-kanak perlu dikembangkan dan diperkuuhkan dengan kefahaman melalui kajian, penyelidikan dan pembacaan meluas secara berterusan sehingga ke akhir hayat. Tasawwur dan kefahaman akidah yang jelas juga merupakan perisai ampuh untuk menjamin kesejahteraan akidah murid mengharungi cabaran sepanjang kehidupan.

**Objektif 3:** Komponen pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap murid dan pengetahuan kurikulum GCPI untuk menghasilkan PPK pengajaran akidah.

Merujuk kepada kerangka konseptual kajian, PPK guru dibahagikan kepada empat komponen yang utama iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan berkaitan pelajar dan pengetahuan kurikulum. Berdasarkan pelbagai sumber data yang diperoleh dari kesemua peserta kajian, dapatan tema mendapati kesemua guru mempamerkan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan komponen PPK yang telah ditentukan di dalam kajian.

### **Pengetahuan Isi Kandungan**

Peserta kajian memiliki kefahaman terhadap kepentingan pengetahuan isi kandungan untuk memastikan keberkesanan pengajaran akidah merangkumi; kesediaan guru untuk mengajar, pengetahuan kandungan secara mendalam, pengukuhan pengetahuan kandungan dan penguasaan ilmu kandungan sukatan dan disiplin ilmu berkaitan sukatan

### **Pengetahuan Pedagogi Subjek**


Pengetahuan pedagogi GCPI boleh dikategorikan seperti berikut; kaedah pengajaran yang merangkumi kaedah induktif (*istiqraieyah*) dan kaedah deduktif (*istinbatiyyah*, pendekatan pengajaran pula dengan menggunakan gabungjalin ilmu, penyerapan ilmu, faham situasi pengajaran (*mauqif ta'lim*), mudah kepada sukar, pengajaran kontekstual dan perbandingan konsep, teknik pengajaran adalah dengan motivasikan murid, menerapkan kemahiran KBKK, menghafal formula rumus, menjalankan pengajaran luar kelas, menghafal definisi konsep, hafal peta minda, menghafal kata kunci konsep dan langkah pengajaran yang melibatkan urutan topik, pengurusan bilik darjah, pengurusan masa dan kawalan bilik darjah.

### **Pengetahuan Berkaitan Murid**

GCPI memiliki pengetahuan dan peka kepada kepelbagaiannya ciri-ciri pelajar yang boleh dikategorikan kepada; maklumat umum pelajar berkaitan latar belakang murid seperti; asas pengetahuan akidah, asas kemahiran al-Quran dan asas kemahiran jawi, mengenal pasti tahap kognitif murid melalui kemahiran komunikasi untuk menggunakan pendekatan pengajaran yang berbeza, tahap kesukaran murid memahami pengajaran seperti; miskonsepsi murid dan kesediaan jiwa (*nafsiyyah*) untuk mengikuti pengajaran dan sikap murid terhadap subjek akidah seperti; minat, kecenderungan dan tahap kesediaan murid.

### **Pengetahuan Kurikulum**

GCPI memiliki pengetahuan terhadap perkembangan kurikulum pendidikan Islam secara umum dan kurikulum pengajaran akidah secara khusus yang boleh dikategorikan kepada; pengetahuan sukanan kurikulum, kurikulum berorientasikan peperiksaan, kurikulum berdasarkan kesesuaian murid, pelaksanaan kurikulum berdasarkan penerapan Islam hadhari, tasawwur perancangan dan pelaksanaan kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum.



Rajah 2 Integrasi Komponen PPK dalam pengajaran Akidah

**Objektif 4:** Kefahaman terhadap ciri-ciri subjek akidah dan amalan PPK pengajaran akidah di antara GCPI berpengalaman dengan GCPI baru dilantik.

Kajian mendapati kesemua GCPI berpengalaman dan GCPI baru dilantik memiliki keselarasan persepsi dengan amalan PPK yang dilakukan di dalam bilik darjah. Pengalaman mereka mengendalikan pengajaran akidah dapat memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang apa

yang seharusnya guru lakukan semasa pengajaran akidah. Kefahaman dan persepsi guru terhadap pengetahuan isi kandungan akidah didapati turut mempengaruhi pemilihan pendekatan dan kaedah pengajaran yang di amalkan di dalam bilik darjah. Dengan lain perkataan, keputusan yang diambil GCPI berpengalaman dan GCPI baru dilantik ketika menyampaikan pengajaran sesuatu topik adalah dibimbing oleh tasawwur dan kefahaman hasil dari pengalaman setiap individu terhadap pengetahuan isi kandungan subjek. Dapatkan ini menunjukkan setiap peserta kajian memiliki PPK secara peribadi berdasarkan pengalaman dan latihan ikhtisas yang mereka perolehi yang akan membentuk pengetahuan praktikal (*practical knowledge*) dan (*wise practice*) dalam pelaksanaan pengajaran akidah secara berkesan.

**Objektif 5:** Komponen-komponen pengetahuan pedagogikal kandungan PPK diterjemahkan dalam proses pengajaran guru di peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi dan kefahaman baru.

Kajian mendapat kefahaman baru sentiasa diperolehi samaada berkaitan pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi subjek atau pengetahuan berkaitan murid yang menyumbang kepada pembentukan PPK dalam pengajaran akidah. Pemerhatian dan penilaian terhadap semua peserta kajian mendapat peserta kajian melakukan tindakan susulan, bimbingan dan ulangkaji topik untuk mengukuhkan kefahaman dan kejelasan murid terhadap konsep-konsep akidah yang disampaikan guru. Pada keseluruhannya, dapatkan kajian turut menunjukkan bagaimana PPK yang dimiliki oleh guru cemerlang Pendidikan Islam telah diterjemahkan dalam proses pengajaran. PPK yang dimiliki oleh guru cemerlang Pendidikan Islam adalah terdiri daripada kefahaman terhadap ciri-ciri subjek, tanggapan terhadap pengajaran subjek, pengetahuan isi kandungan subjek, pengetahuan pedagogi subjek, pengetahuan berkaitan murid dan pengetahuan kurikulum.

**Objektif 6:** Perbezaan amalan PPK GCPI dengan pendekatan pengajaran akidah menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah.

Dapatkan kajian melalui pemerhatian pengajaran dan temubual secara mendalam menunjukkan terdapat beberapa persamaan dan perbezaan di antara pengajaran akidah menurut prespektif al-Quran dan al-hadith dengan persepsi serta amalan pengajaran peserta kajian di dalam bilik darjah. Persamaan yang jelas boleh diperhatikan terhadap prinsip pengajaran yang mementingkan pengajaran bertahap (*tadrij*), penyampaian bahan pengajaran dari konkret kepada abstrak, mudah kepada kompleks, mengambil kira perbezaan murid, ulangan pengajaran sebagai pendekatan untuk mengukuhkan kefahaman murid dan menggabungkan dalil secara *naqli* (wahyu) dan *aqli* (akal) untuk mengukuhkan kefahaman dan keyakinan murid. Selain itu pemerhatian pengajaran mendapat beberapa aspek yang kurang dititik beratkan sebagai prinsip pengajaran seperti galakan kepada murid untuk mentadabur alam syahadah dan mentadabbur tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. secara *manzhurah*. Selain itu, terdapat beberapa pendekatan pengajaran yang ditegaskan di dalam al-Quran dan al-Hadith tetapi masih kurang dan belum dilaksanakan oleh peserta kajian seperti kaedah perdebatan (*munazharah*), bercerita kisah teladan, analogi, dialog dan rehlah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan keimanan murid.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

### **Kefahaman GCPI Terhadap Ciri-Ciri Pengetahuan Kandungan Subjek Akidah**

Kefahaman dan keyakinan guru terhadap subjek dan kaitannya dengan amalan dan tingkah laku pengajaran boleh dikaitkan dengan beberapa penyelidikan pendidikan (Goodlad, 1984; Cuban, 1984, 1986; Shulman, 1987; Leming, 1989; Onosko, 1989; Thornton, 1991; Pajares, 1992; Wilson, Konopak & Readance, 1994; Fang, 1996; Sarason, 1996; Brownell, Yeager, Rennells & Riley, 1997; Wilson, 2000 dan Zaidah, 2005). Dalam kajian ini, peserta kajian didapati memiliki perspektif terhadap pengetahuan isi kandungan akidah adalah berbentuk abstrak, konseptual dan cenderung kepada perbincangan falsafah. Dapatkan ini secara tidak langsung menyokong pendapat Syahrastani (1984), Mujawir (1971), al-Quraisi (1972) dan Tibawi (1972) yang menyatakan pengajaran akidah dilakukan secara perbincangan dan perbahasan falsafah adalah kesan gabungan dan pengaruh falsafah Greek dalam ajaran Islam. Persepsi dan kefahaman mendalam guru terhadap sifat subjek ini membantu mereka mengolah pengetahuan kandungan kepada bentuk yang sesuai dan mudah difahami oleh murid. Penjelasan dan huraian tersebut turut diselaraskan dengan tahap pemikiran dan latarbelakang murid seperti menggunakan kaedah perbandingan konseptual yang disokong dengan contoh-contoh dan analogi yang sesuai.

### **Perspektif GCPI Terhadap Ciri-Ciri Pengajaran Subjek Akidah**

GCPI menyatakan pendapat mereka berkaitan pengajaran secara bertahap (*al-tadrij*) dalam subjek akidah. Pengajaran ini memerlukan huraian secara terperinci, bukti, dalil dan contoh secara bertahap mengikut langkah perkembangan pengajaran sehingga murid benar-benar berpuashati dengan penyampaian dan penjelasan guru. Selain itu, pendidikan akidah dan keimanan bukan sesuatu yang mudah ianya perlu didasari dengan kefahaman jelas yang dapat mengesani emosi, perasaan dan jiwa (*wujdan*) tanpa sebarang syak dan keraguan. Bagi memantapkan akidah dan keimanan para sahabat, Rasulullah s.a.w. menghapuskan kesan-kesan kepercayaan, nilai, budaya dan kefahaman warisan arab jahiliyyah supaya tidak bercampur aduk dengan paradigma akidah, nilai dan budaya kehidupan seseorang mukmin (Ahmad Rejab, 2001). Sehubungan itu, kesediaan murid dengan maklumat asas berkaitan tajuk, konsep berkaitan dan definisi istilah akan memudahkan guru mengembangkan isi kandungan pengajaran. Persoalan akidah diyakini perlu ditangani melalui pendekatan pengajaran secara berguru (*talaqqi*). Pendekatan ini dapat memastikan murid menerima sumber, fakta dan maklumat yang sahih dan tepat secara langsung dari guru yang berkelayakan.

### **Hubungan Kefahaman GCPI Terhadap Ciri-Ciri Subjek Akidah dengan Amalan Pengajaran di dalam Bilik Darjah**

Dapatkan kajian menunjukkan setiap peserta kajian ini mempunyai keyakinan yang khusus dalam diri mereka terhadap ciri-ciri subjek dan pendekatan pengajaran yang banyak terbina dari pengalaman peribadi, alam persekolahan dan latihan ikhtisas yang dilalui. Perbandingan data kajian terhadap kumpulan peserta kajian (GCPI BP) dengan (GCPI BL) untuk meneroka pengaruh perspektif dan kefahaman guru terhadap ciri-ciri subjek akidah terhadap amalan secara pedagogikal guru di dalam bilik darjah tidak menunjukkan banyak perbezaan yang signifikan. Dapatkan kajian terhadap

pendekatan integrasi kefahaman peserta kajian (GCPI BP) terhadap ciri-ciri subjek dengan amalan pengajaran di dalam bilik darjah menggambarkan hubungan keselarasan, konsisten dan bersifat tekal. Peserta yang menyatakan pengajaran akidah adalah sukar menggunakan pendekatan gabung-jalin bahan pengajaran dengan isi kandungan subjek sains dan geografi untuk memudahkan kefahaman murid konsep-konsep yang disampaikan. Peserta turut menggunakan pendekatan kunstruktivisme seperti sumbangsaran, inkuiri dan kaedah sokratik untuk mengukuhkan pengajaran.

### **Perbandingan Pengajaran Akidah Menurut Perspektif al-Quran dan al-sunnah dengan Amalan Pengajaran GCPI di dalam Bilik Darjah.**

Akidah tidak terbentuk dengan mudah kerana ia merupakan sesuatu keyakinan yang teguh dan mantap di lubuk hati (*istiqrar fil-qalbi*) yang perlu diasuh secara bertahap (*marhalah*). Ianya memerlukan kejelasan secara kognitif (*basirah*) yang mampu menilai dan menganalisa sesuatu perkara berdasarkan dalil-dalil *naqli* dan *'aqli* untuk menghilangkan sebarang keraguan. Dalil-dalil ini semestinya diterima secara logik kognitif (*iqna' aqli*) dengan penuh kefahaman dan kerelaan yang disusuli kesan-kesan nilai keimanan dari aspek perasaan dan emosi (*wujdan*) (Abdul Majid, 2008). Dapatkan kajian menunjukkan terdapat beberapa keselarasan di antara pengajaran akidah menurut prespektif al-Quran dan al-sunnah dengan persepsi serta amalan pengajaran peserta kajian di dalam bilik darjah. Sebagai contoh, al-Quran telah menjelaskan bahawa manusia itu diciptakan dengan berbagai tahap kemampuan akal, roh dan jasad (ali-Imran, 3:113; al-An'am, 6:165; al-Rum, 30:22). Oleh itu, guru perlu memahami kepelbagaian ini untuk menentukan keberkesan proses pengajaran dan pembelajaran (Abdul Wahhab, 2003, Umar, 2000). Pemerhatian pengajaran mendapati peserta kajian peka terhadap pengajaran bertahap (*tadrij*) sebagai amalan di dalam bilik darjah ketika menyampaikan bahan pengajaran secara konkrit kepada abstrak dan mudah kepada kompleks. Peserta kajian juga menghuraikan secara terperinci, bukti, dalil dan contoh secara berperingkat pada setiap langkah-langkah pengajaran secara sistematik dan dinamik sehingga murid benar-benar memahami sesuatu konsep yang disampaikan.

### **Pelaksanaan Penaakulan Pedagogikal GCPI dalam Proses Pengajaran Akidah di dalam Bilik Darjah**

Penerokaan terhadap komunikasi dalam PPK (*communication PCK*) GCPI menunjukkan komponen PPK yang dimiliki seperti pengetahuan isi kandungan subjek, pengetahuan pedagogi subjek, pengetahuan guru berkaitan murid, pengetahuan kurikulum dan kefahaman mereka terhadap ciri-ciri subjek dan tanggapan terhadap pengajaran akidah adalah saling berkaitan. Kesemua komponen ini didapati saling lengkap-melengkapi, berintegrasi dan terus berkembang untuk membentuk pengalaman PPK guru dalam pengajaran akidah. Pemerhatian pengajaran melalui lingkaran model tindakan pengajaran Shulman (1987) mendapati GCPI mempunyai kefahaman yang jelas terhadap objektif pengajaran, memindahkan bahan pengajaran kepada murid secara pedagogikal, melakukan tindakan pengajaran dengan sistematik, melaksanakan penilaian semasa pengajaran, refleksi selepas selesai sesi pengajaran dan memperoleh kefahaman baru untuk mengembangkan kemahiran dan pengalaman terhadap pengajaran akidah.

**Model dan garis panduan pelaksanaan PPK guru cemerlang pendidikan Islam untuk pengajaran akidah.**



Rajah 3 Model pelaksanaan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan PPK Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam.

Penerokaan terhadap pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) yang dimiliki oleh GCPI serta pelaksanaan PPK (*application PCK*) iaitu bagaimana pengetahuan tersebut di laksanakan semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah telah menghasilkan satu model pelaksanaan PPK di dalam

pengajaran akidah. Model ini adalah merangkumi kefahaman guru terhadap ciri-ciri subjek, tanggapan terhadap pengajaran serta komponen-komponen PPK yang lain iaitu; pengetahuan isi kandungan subjek, pengetahuan pedagogi subjek, pengetahuan berkaitan murid dan pengetahuan kurikulum akidah. Melalui proses lingkaran pelaksanaan pengajaran model (Shulman, 1987) pengetahuan yang unik ini diterjemahkan di dalam proses pengajaran yang sebenar merangkumi peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi serta kefahaman baru untuk menghasilkan PPK pengajaran yang berkesan. Pengalaman guru juga didapati banyak membantu guru untuk mengolah dan mengubahsuai bahan pengajaran bergantung kepada situasi serta ciri-ciri murid. Kemahiran guru mengintegrasikan komponen-komponen PPK membentuk suatu pengalaman “*wise practice*” secara peribadi untuk menghasilkan pengajaran akidah dengan berkesan. Model pelaksanaan PPK pengajaran akidah guru cemerlang Pendidikan Islam berikut diharap dapat memberi suatu gambaran secara holistik proses pengajaran akidah yang boleh diterima pakai dan dijadikan panduan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan profesionalisma guru Pendidikan Islam secara sistematik.

## KESIMPULAN

Kajian ini merupakan satu langkah awal yang selari dengan tuntutan semasa bagi tujuan memanfaatkan aset pengalaman dan kemahiran guru cemerlang Pendidikan Islam. Kemahiran PPK yang ditunjukkan oleh kesemua guru cemerlang Pendidikan Islam mencerminkan pengalaman “*wisdom of practice*” dan “*wise practice*” dalam pengajaran subjek akidah. Guru perlu memahami proses pemikiran dan tingkahlaku guru di dalam bilik darjah berdasarkan lingkaran model pelaksanaan pedagogi dan tindakan pengajaran (Shulman, 1987) yang merangkumi beberapa fasa pengajaran tahap kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi untuk mendapatkan kefahaman baru berkaitan pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi subjek atau pengetahuan berkaitan murid yang menyumbang kepada pembentukan PPK dalam pengajaran akidah. Pendekatan PPK pengajaran akidah ini diharap dapat memudahkan guru memperjelaskan kefahaman konsep yang abstrak, memahami dalil-dalil secara naqli dan aqli, penghayatan nilai tauhid dan nilai ketuhanan serta aplikasi konsep dan nilai keimanan tersebut dalam kehidupan murid. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan dengan perkembangan professional guru-guru Pendidikan Islam seperti Jemaah Nazir Persekutuan, Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pendidikan Guru di Kementerian Pendidikan perlu memberi perhatian terhadap aset pengetahuan dan pengalaman unik yang dimiliki oleh guru cemerlang Pendidikan Islam sebagai bahan perkongsian pengalaman “*best sharing practice*” dengan guru-guru lain dalam pengajaran akidah.

## RUJUKAN

### *Al-Quran*

- Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak .2003.Pengajaran Akhlak di Sekolah Menengah: Persepsi Pelajar-pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Kebangsaan Siri 3*, hlm. 68-79.  
 Abdul Majid al Zendani. 2008. *Book of Tawheed: The Oneness of Allah*. Al-Firdous Ltd London.  
 Abdul al-Wahhab Abd al-Salam Tawilah. 2003. *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Fannu al-Tadrис*. Kaherah: Dar al-Salam li Taba'ah wa al Nashr wa tauzi.  
 Abdullah Nasikh 'Ulwan. 1984. *Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Islam.

- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1939. *Ihya' 'Ulum al-Din. Juzuk 1.* Mesir: Mutba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Qardawi, Yussof. 2000. *Al-Tarbiyyah 'inda al-Imam Al-Syatibi.* Beirut: Mua'ssah al- Risalah li-Tabaa'h al-nasyr wa al-tauzi'.
- Al-Syaibani, Umar Muhammad al-Toumi. 1975. *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah.* Libya: Al-mansya'ah al-ammah li al-nasyr wa al-tauzi' wa al-Ilam.
- Ali Ahmed Madkur 1999. *Manhajiyah Tadris al-Mawad al-Syareiyah.* Kaherah: Dar al-Fiqr al-Arabi.
- Ahmad Rejab al-Asmar.2001. *An-Nabiyu al-Murabbi.* Irbit Jordan: Dar al-Furqan li-An-Nasr Wa-Tauzi'
- Ahmad Munawar Ismail. 2009. Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Claire H. Major & Betsy Palmer. 2006. Reshaping Teaching and Learning: The Transformation of Faculty Pedagogical Content Knowledge. *Higher Education* 51:619-647
- Creswell, J.W. 1998. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions.* Sage Publications, Inc Thousand Oaks,CA.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approach.* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Fatimah Abdullah. 2005. Teaching Islamic Theology In The Era of Globalization. *Proceedings International Seminar Religious in the Muslim World: Challenges and Prospect.* Kulala Lumpur. International Islamic University Malaysia.
- Fennema, E & Franke, ML 1992. Teacher's Knowledge and its impact. Dlm D.A. Grouws (pynt). *Handbook Of Research On Teaching And Learning* (NCTM) New York.
- Grossman, P.L. 1990. *The Making Of the Teacher: Teacher Knowledge and Teacher Education.* New York: Teacher College Press.
- Shulman, L. 1987. Knowledge and Teaching: Foundation of New Reform. *Harvard Educational Review* 57 (1): 1-22.
- Shulman, L. 1992. Research on teaching: A Historical and Personal Perspective. In F.K. Oser, A. Dick, & J.L. Patry (Eds.). *Effective and Responsible Teaching: The New Synthesis*, San Francisco: Jossey-Bass, pp. 14-29
- Umar Ahmed Umar. 2000. *Falsafah al-Tarbiyyah fi al-Quran al-Karim.* Damsyik: Dar al-Maktabi li Tabā'ah wa al-Nashr wa Tauzi.
- Yin, R. K. 2003. *Case Study Research, Design and Methods*, 3<sup>rd</sup> Edition. Beverly Hills, California: Sage Publications.
- Zaidah Yazid. 2005. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Guru Matematik Tambahan Berpengalaman: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **Biodata:**

**Ahmad Yunus Kasim**, Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. e-mail: [a.yusqas@yahoo.co.uk](mailto:a.yusqas@yahoo.co.uk).

**Prof Madya Dato' Dr Ab. Halim Tamuri**, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mail: [tamuri67@gmail.com](mailto:tamuri67@gmail.com).